

**Perhimpunan Bersih 3.0 bukan ancam keselamatan
Utusan Online
11 April, 2012**

KUALA LUMPUR 10 April - Kerajaan membenarkan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) menganjurkan perhimpunan Bersih 3.0 kerana menyifatkan ia bukan isu yang boleh mengancam keselamatan negara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, bagaimanapun kerajaan berharap penganjur dapat memberi jaminan perhimpunan itu dilaksanakan dalam suasana aman selaras dengan semangat Akta Perhimpunan Aman 2011 yang diluluskan Dewan Rakyat.

"Bersandarkan semangat Akta Perhimpunan Aman 2011, kerajaan tidak akan menghalang perhimpunan ini selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang yang telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen.

"Semua yang terlibat boleh berhimpun tetapi penganjur perlu memastikan ia tidak akan menyusahkan orang ramai serta mengganggu ketenteraman awam," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai rancangan Bersih untuk mengadakan perhimpunan secara aman buat kali ketiga pada 28 April ini selepas tidak berpuas hati dengan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) berhubung penambahbaikan proses Pilihan Raya yang dibentangkan di Dewan Rakyat, minggu lalu.

Tambah Hishammuddin, pihak penganjur perlu bekerjasama dan mendapatkan maklumat daripada polis mengenai lokasi yang sesuai untuk mengadakan perhimpunan itu.

Jelasnya, jika penganjur enggan bekerjasama dan berdegil dengan menganjurkan perhimpunan itu di satu lokasi yang ditetapkan mereka sendiri, rakyat akan mempertikaikan tujuan sebenar perhimpunan tersebut diadakan.

"Saya berharap agar mereka (penganjur) bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi menentukan satu lokasi khusus untuk mengadakan perhimpunan tersebut," ujarnya.

Mengulas mengenai Perhimpunan Hijau yang dijangka membabitkan perarakan dari KLCC ke Dataran Merdeka juga pada 28 April ini, Hishammuddin berkata, ia tidak dibenarkan kerana akan menimbulkan suasana tidak tenteram.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_04.htm